

**GARIS PANDUAN BAGI PERMOHONAN PENGECUALIAN DUTI EKSAIS DAN
CUKAI JUALAN KE ATAS PENJUALAN / TUKAR HAK MILIK TEKSI BAJET DAN
KERETA SEWA MILIKAN INDIVIDU**

- 1) Selaras dengan pengumuman Bajet 2012, pemilik individu bagi teksi bajet atau kereta sewa yang ingin menjual atau menukar hak milik status kepada milikan persendirian selepas 7 tahun daripada tarikh pendaftaran teksi bajet/kereta sewa adalah dikecualikan daripada membayar balik duti eksais dan cukai jualan.
- 2) Pemilik individu teksi bajet atau kereta sewa yang layak adalah dikehendaki untuk mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan seperti berikut:

BIL.	PERMIT TEKSI STATUS	SYARAT-SYARAT PERLU DIPATUHI
1.	Teksi Bajet	<ul style="list-style-type: none"> (i) Milikan individu sahaja; (ii) Kenderaan pemasangan tempatan model Proton sahaja seperti Wira, Iswara, Waja dan Persona; (iii) Tujuan: Untuk dijual ATAU fungsi ditukar kepada kereta persendirian oleh pemilik yang sama; (iv) Usia kenderaan hendaklah melebihi 7 tahun dari tarikh pendaftaran di dalam geran; dan (v) Pemilik individu perlu mengisi dan mengemukakan borang permohonan serta dokumen-dokumen seperti disenaraikan di Lampiran A kepada Bahagian Cukai, Kementerian Kewangan.
2.	Kereta Sewa	<ul style="list-style-type: none"> (i) Milikan individu sahaja; (ii) Kenderaan pemasangan tempatan buatan nasional atau bukan nasional; (iii) Tujuan: Untuk dijual ATAU fungsi ditukar kepada kereta persendirian oleh pemilik yang sama; (iv) Usia kenderaan hendaklah melebihi 7 tahun dari tarikh pendaftaran di dalam geran; dan (v) Pemilik individu perlu mengisi dan mengemukakan borang permohonan serta dokumen-dokumen seperti disenaraikan di Lampiran A kepada Bahagian Cukai, Kementerian Kewangan.

3) Bagi teksi bajet/kereta sewa yang berusia kurang daripada 7 tahun, bayaran duti/cukai terlibat perlu dibuat kepada Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (JKDM) berdasarkan kepada penilaian semasa kenderaan JKDM. Permohonan hendaklah dikemukakan terus kepada pihak Kastam yang berdekatan.

4) Tiada pengecualian duti/cukai diberi bagi tujuan penjualan/tukar hak milik untuk kategori teksi lapangan terbang, TEKS1M, teksi eksekutif dan lain-lain bagi milikan individu ataupun syarikat. Pengecualian duti/cukai juga tidak diberikan bagi tujuan penukaran status daripada teksi kepada kereta sewa.

5) Permohonan boleh diserahkan secara tangan ke kaunter Bahagian Cukai atau diposkan ke alamat seperti berikut:

Bahagian Cukai, Kementerian Kewangan Malaysia
Tingkat 7, Blok Tengah
Kompleks Kementerian Kewangan Malaysia
No.5, Persiaran Perdana, Presint 2
62592 PUTRAJAYA
(u.p: Ketua Seksyen Perkhidmatan I)

6) Sebarang pertanyaan boleh hubungi pegawai-pegawai berikut :

- (i) Nama : Cik Khalilasalwa Binti Salleh
Tel : 03-8882 8876
Email : khalilasalwa.mof@1govuc.gov.my
- (ii) Nama : Cik A'ina Iryani Binti Dol Razlan
Tel : 03-8882 4059
Email : aina.mof@1govuc.gov.my
- (iii) Nama : Puan Roseyana Binti Md Yassin
Tel : 03-88824308
Email : roseyana.mof@1govuc.gov.my

**BORANG PERMOHONAN KE ATAS TUKAR HAK MILIK/PENJUALAN TEKSI
BAJET/KERETA SEWA MILIK INDIVIDU.**

BUTIRAN PEMOHON

Nama Pemilik Asal

No Kad Pengenalan

Alamat Surat Menyurat

No. Telefon

BUTIRAN KENDERAAN

No. Pendaftaran

Model/ Buatan

Tarikh Pendaftaran

Tahun Buatan

Dengan ini saya mengesahkan bahawa maklumat diatas adalah benar.

Tandatangan :

Nama :

Tarikh :

Sebarang pertanyaan atau masalah boleh hubungi talian :

Kaunter : 03-88824081

Pejabat Am : 03-88824730 / 0388824308

LAIN – LAIN PERKARA

Sebab Tukar Hak Milik :

(Sila Tandakan)

Kereta Persendirian

Penjualan

Teksi Ke Kereta Sewa
(Tiada Pengecualian)

Lain – Lain (sila nyatakan)

Surat Keputusan :

Pos

Kaunter

Untuk Kegunaan Pejabat

Cop Terima

**SENARAI SEMAK DOKUMEN BAGI PERMOHONAN KE ATAS TUKAR
HAK MILIK/PENJUALAN TEKSI BAJET/KERETA SEWA MILIK
INDIVIDU**

1) Borang / surat permohonan

2) Salinan kad pengenalan **pemilik asal**

3) Salinan lesen memandu **PSV**

4) Salinan **permit teksi**

5) Salinan depan belakang **kad pendaftaran
kenderaan (geran)**

6) Salinan perakuan pendaftaran **Suruhanjaya Syarikat
Malaysia (SSM)**

7) Salinan pemeriksaan PUSPAKOM (sekiranya ada)

ALAMAT BAHAGIAN CUKAI :

Bahagian Cukai
Kementerian Kewangan Malaysia
Tingkat 7, Blok Tengah
Kompleks Kementerian Kewangan Malaysia
No.5, Persiaran Perdana, Presint 2
62592 PUTRAJAYA.
(U.P: KETUA SEKSYEN PERKHIDMATAN I)